

MTUC sifatkan kenyataan PM rujuk kumpulan eksekutif

UM 26 JUL 2000

KUALA LUMPUR 25 Julai — Kongres Kesatuan Se-kerja Malaysia (MTUC) menyifatkan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya sektor swasta tidak membayar gaji terlalu tinggi terhadap pekerja mereka hanya merujuk kepada kumpulan eksekutif.

Bagaimanapun, Presiden MTUC, Senator Zainal Rampak berharap saranan itu tidak melibatkan sama golongan pekerja bawahan yang sangat bergantung kepada gaji mereka untuk menyara hidup.

Justeru katanya, langkah MTUC mencadangkan gaji minimum antara lain bagi membendung pemberian gaji yang tidak setimpal di kalangan pekerja di negara ini.

Menurut Zainal, pemberian gaji yang terlalu tinggi di kalangan eksekutif swasta akan hanya mena- kutkan para pelabur asing untuk melabur di negara ini.

“Bukan kos buruh bawahan yang tinggi, tetapi kos untuk membayar eksekutif-eksekutif yang kendalikan syarikat. Dengan secara tidak langsung ia menakutkan para pelabur

asing,” katanya kepada *Utusan* di lobi Parlimen, hari ini.

Zainal berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Dr. Mahathir semalam yang menyarankan sektor swasta supaya tidak membayar gaji yang terlalu tinggi terhadap pekerja mereka.

Menurut Perdana Menteri, pembayaran gaji yang tinggi hanya akan mengakibatkan pekerja terbabit berminat kepada imbuhan yang bakal diperoleh seperti opsyen saham dan ini telah berlaku di Amerika Syarikat.

Pengurusan

Mengulas lanjut, Zainal berkata, pandangan Perdana Menteri itu mengingatkan pihak pengurusan tertinggi syarikat swasta supaya tidak hanya memikirkan imbuhan gaji yang terlalu tinggi.

Ini kerana, katanya, MTUC juga pernah membangkitkan isu terdapat sesetengah pengurus syarikat swasta yang menerima gaji bulanan hampir RM100,000 iaitu boleh menampung kira-kira 100 orang pekerja bukan eksekutif.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan agar kerajaan mewujudkan dua kategori pekerjaan iaitu eksekutif dan bukan eksekutif dalam dalam laporan kewangan syarikat.

Menurut Zainal, langkah ini bagi membolehkan penelitian dijalankan ke atas pendapatan bulanan seseorang eksekutif di syarikat swasta.

“Bila gaji tinggi dan pendapatan besar, sudah tentu mereka dapat opsyen untuk beli syer. Akhirnya, akan timbulkan pertelingkahan dalam syarikat tersebut,” katanya.

Zainal menegaskan, pertelingkahan ini akan hanya memecahbelahkan syarikat sebagaimana berlaku di sesetengah negara maju yang akhirnya menggagalkan hasrat sebenar kerajaan untuk meningkatkan ekonomi negara.

Menyentuh mengenai perjuangan MTUC mendapatkan gaji minimum Zainal berkata: “MTUC masih teruskan hal ini sebagai hala tuju. Kami sedang berkempen dan telah mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri pada 28 Jun lalu dan akan terus berbincang lagi.”